

UNTUK SIARAN SEGERA



**KENYATAAN MEDIA
KEMENTERIAN PENDIDIKAN**

**PERTANDINGAN BAHAS PIALA PERDANA MENTERI EDISI KE-50
TAHUN 2025 SAMPAI KE KEMUNCAK, SAHUT AGENDA
NASIONAL SELARAS ASPIRASI MALAYSIA MADANI**

Pertandingan Bahas Piala Perdana Menteri edisi ke-50 tahun 2025 kini sampai ke kemuncak di mana empat pasukan terbaik akan berentap pada peringkat akhir dalam kategori Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris. YAB Perdana Menteri, Dato' Seri Anwar Ibrahim dijadualkan hadir untuk menyempurnakan pertandingan akhir ini.

Bagi kategori Bahasa Melayu, Sekolah Menengah Agama Persekutuan Kajang yang merupakan johan edisi lalu bakal berhadapan Sekolah Berasrama Penuh Integrasi Sabak Bernam. Manakala dalam kategori Bahasa Inggeris pula, Sekolah Sultan Alam Shah akan bertemu dengan Sekolah Menengah Sains Muar.

Pertandingan akhir kategori Bahasa Inggeris dijadualkan berlangsung pada Jumaat, 25 Julai 2025, manakala bagi kategori Bahasa Melayu pula adalah pada Sabtu, 26 Julai 2025. Pertandingan akhir bagi kedua-dua kategori akan disiarkan secara penstriman langsung melalui EduwebTV KPM dan saluran DidikTV KPM.

Selain Anugerah Pembahas Terbaik, bermula tahun ini empat anugerah baharu diperkenalkan iaitu Anugerah Permata Bahas dan Anugerah Tunas Bahas bagi kategori Bahasa Melayu serta *Aspiring Team Award* dan *Eloquence Award* bagi kategori Bahasa Inggeris. Ia adalah sebahagian daripada usaha berterusan Kementerian Pendidikan (KPM) untuk membangunkan bakat murid dalam pertandingan ini.

Pertandingan Akhir Bahas Piala Perdana Menteri ke-50 Tahun 2025 turut mendapat tajaan hadiah daripada Malaysia Energy Literacy Program (MELP) yang merupakan program literasi tenaga peringkat Kebangsaan yang diterajui oleh Kementerian Peralihan Tenaga dan Transformasi Air (PETRA).

Pertandingan ini adalah wadah intelektual untuk mengasah kemahiran bahasa dan pemikiran kritis serta membentuk karakter murid. Ia selaras dengan nilai-nilai Malaysia MADANI seperti hormat, keyakinan dan daya cipta.

-TAMAT-

**KEMENTERIAN PENDIDIKAN
24 JULAI 2025**